

06 JUN 2002

LEAD Pope-Fatwa

PERTEMUAN DR MAHATHIR-POPE BAWA KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Oleh: Haji Mahrus Ibrahim

VATICAN CITY, 6 Jun (Bernama) -- Vatican City melihat pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pope John Paul II yang dijadual berlangsung di sini esok sebagai satu dialog agama yang amat penting.

Naib pengarah pejabat akhbar Holy See, pusat pentadbiran Roman Katolik, Ciro Benedettini berkata perjumpaan itu boleh memberi banyak manfaat ke arah meningkatkan keamanan dan perpaduan di dunia.

Beliau berkata demikian kepada pemberita Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan pertemuan bersejarah itu.

Pertemuan empat mata antara Dr Mahathir dan Pope John Paul itu dijadual berlangsung pada pukul 11 pagi waktu tempatan (5 petang di Malaysia).

Dr Mahathir dijadual tiba di sini pagi esok bagi memenuhi undangan Pope John Paul untuk pertemuan itu yang dianggap dapat merintis jalan ke arah persefahaman antara agama demi kesejahteraan sejagat.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibrahim, yang berada di sini untuk menyertai Perdana Menteri dalam perbincangan dengan pegawai-pegawai Vatican, berkata Pope John Paul memilih untuk bertemu dengan Dr Mahathir mungkin kerana beliau melihat Perdana Menteri sebagai pemimpin yang berjaya menguruskan sebuah negara Islam dengan penduduk berbilang agama yang hidup dengan aman dan makmur.

"Dia mungkin nampak bagaimana Dr Mahathir mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara contoh," kata Dr Ismail.

Pertemuan kedua-dua mereka akan disusuli dengan perbincangan peringkat delegasi. Pegawai-pegawai Vatican diketuai oleh Setiausaha Negara, Cardinal Angelo Sodano.

Dr Ismail berkata beliau menjangkakan bahawa daripada pertemuan itu, Pope John Paul akan menyampaikan mesej kepada penganut-penganut Kristian bahawa Islam bukannya agama yang sepatutnya dikaitkan dengan keganasan.

"Yang jatuhkan imej Islam adalah pelampau," katanya.

Dr Ismail berkata beliau akan menerangkan hasil perbincangan dengan pegawai-pegawai Vatican itu kepada mufti-mufti negeri.

Dr Mahathir akan mengadakan lawatan kerja tiga hari ke Rome selepas ini sebelum mengadakan lawatan rasmi ke Switzerland dan Luxembourg.

-- BERNAMA

MAI NAK RON